

Golongan takfiri tergelincir fahami al-Quran, sunah

Penelitian, pemahaman nas syariat perlu diserahkan kepada ulama muktabar



←
**ABDULLAAH
JALIL**

Sebahagian masyarakat sering terkeliru dengan menyatakan bahawa golongan takfiri (yang mudah menuduh kafir terhadap umat Islam yang lain) dan penganas militan juga mempunyai dalil al-Quran dan al-Sunah yang menyokong akidah dan tindak-tanduk mereka.

Ini bukanlah hakikat yang memeranjatkan kerana kebanyakan masyarakat awam tidak berkeahlian untuk membuat penilaian dan penelitian terhadap dalil syariat.

Masyarakat awam bukan sahaja tidak dapat menentukan kedudukan, kekuatan dan kelayakan sesuatu dalil dalam perbahasan hukum syariat. Bahkan lebih jauh dari itu, masyarakat awam sebenarnya tidak mampu membezakan di antara kefahaman yang benar dan salah yang diambil daripada nas.

Dalam erti kata lain, hanya ulama yang mampu membezakan di antara dalil yang sahih dan dalil yang fasid (rosak) serta kefahaman yang benar dan kefahaman yang salah terhadap dalil berkenaan.

Golongan sesat salah guna hujah al-Quran, sunah

Akibat daripada kelemahan ini juga, sebahagian masyarakat tidak dapat membezakan golongan yang membawa akidah Ahli Sunah dan Jama'ah serta golongan yang membawa akidah yang salah.

Golongan yang sesat seperti Mujassimah, Qadariyyah, Jabariyyah, Murji'ah, Rafidah dan Khawarij juga

menggunakan nas al-Quran dan al-Sunah sebagai hujah mereka, tetapi ini tidak bermakna pegangan mereka terhadap al-Quran dan al-Sunah itu betul kerana punca kesalahan pada kebanyakan keadaan adalah berpunca daripada salah faham dan salah tafsir mereka terhadap al-Quran dan al-Sunah.

Mereka menyangka mereka memperjuangkan al-Quran dan al-Sunah, tetapi pada hakikatnya mereka sedang memperjuangkan kefahaman yang salah terhadap nas al-Quran dan al-Sunah.

Apabila sesuatu nas syariat tidak difahamkan dengan betul mengikut kaedahnyanya, ia tidak membawa dan menunjukkan kepada natijah yang sahih. Oleh kerana itulah ulama Usul al-Fiqh mendefinisikan 'dalil' sebagai "sesuatu yang dijadikan petunjuk kepada makna yang dikehendaki (oleh syariat) dengan penelitian serta kefahaman yang betul padanya."

Abdullah Ibn Umar, ketika menyifatkan golongan Khawarij, menyatakan bahawa mereka adalah golongan yang pergi kepada nas syariat yang diturunkan kepada orang kafir, lalu mereka menyalahafsirkannya (dengan kejahilan mereka) dan meletakkannya ke atas orang beriman (Sahih Bukhari).

Hal ini juga pernah berlaku dalam sejarah umat Islam yang mana terdapat golongan yang meletakkan ayat al-Quran yang diturunkan kepada penyembah berhala, lalu mereka menyalahafsirkannya dan meletakkannya ke atas orang beriman yang melakukan tawassul, tabarruk dan istighthah.

Memilih ulama muktabar

Dengan penyalahafsiran tersebut, mereka menghalalkan darah umat Islam untuk ditumpahkan dan harta mereka dirampas serta tawanan mereka dijadikan hamba.

Oleh kerana itulah, tugas penelitian dan pemahaman terhadap nas syariat perlulah diserahkan kepada

pihak yang berkeahlian iaitu ulama yang muktabar. Sekiranya sebahagian masyarakat awam masih keliru mengenai siapakah ulama muktabar itu, maka jalan selamat adalah mereka memilih majoriti ulama Islam sebagai panduan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan menghimpunkan umatku atau umat Muhammad SAW di atas kesesatan." (Riwayat Tirmizi, Hakim dan lain-lain).

Dari sudut realiti pula, majoriti ulama dan umat Islam sepanjang sejarah dan hampir di setiap tempat sudah menerima al-Ashairah dan al-Maturidiyyah sebagai gagasan utama akidah Ahli Sunah dan Jama'ah.

Selain menerima empat mazhab fiqh utama, iaitu Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali sebagai gagasan utama fiqh Ahli Sunah Wal Jama'ah, dan menerima tasawwuf yang benar di atas manhaj Hasan al-Basri, al-Junayd al-Baghdadi, al-Ghazali, 'Abd al-Qadir al-Jaylani dan seumpama mereka.

Di Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Othman Mustapha menjelaskan bahawa acuan manhaj Ahli Sunah Wal Jama'ah adalah merujuk kepada Ashairah dalam bab akidah, Shafi'iyah di dalam bab fiqh tanpa menolak tiga mazhab yang lain dan Ghazaliyyah dari segi akhlak dan ke-rohanian (tasawwuf)."

Dengan berpegang kepada manhaj dan mazhab muktabar ini, masyarakat awam tidak akan tergelincir dalam memahami dan beramal dengan nas al-Quran dan al-Sunah.

Perkara ini amat penting kerana kita telah melihat begitu banyak perpecahan umat dan pertumpahan darah yang berlaku disebabkan salah faham yang berlaku terhadap al-Quran dan al-Sunah.



Penulis ialah pensyarah kanan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)